



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bilangan 01 Tahun 2024

PENAMBAHBAIKAN TERMA RUJUKAN DAN PANEL LALUAN KERJAYA URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIK (Q) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan Penambahbaikan Terma Rujukan Dan Panel Laluan Kerjaya Urusan Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-193 bertarikh 15 Disember 2023 telah memperakukan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan & Saraan (JPS) atau *Nomination & Remuneration Committee* (NRC) ke-03 Bilangan 03 Tahun 2023 bertarikh 06 November 2023 berkaitan penambahbaikan terma rujukan dan panel laluan kerjaya urusan kenaikan pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 2.2 Mesyuarat JPS atau NRC ke-03 Bilangan 03 Tahun 2023 bertarikh 06 November 2023 telah bersetuju untuk meluluskan penambahbaikan terma rujukan dan panel laluan kerjaya urusan kenaikan pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) di UiTM.

- 2.3 Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Bilangan 01 Tahun 2021 bertarikh 28 Mei 2023 telah dikeluarkan bagi memaklumkan syarat dan laluan kerjaya kenaikan pangkat pegawai penyelidik (Skim Q) Universiti Teknologi MARA.
- 2.4 Majlis Sumber Manusia Bilangan ke 41 pada 09 Disember 2019 telah bersetuju dan meluluskan kaedah pelaksanaan Laluan Kerjaya Pegawai Penyelidik dan telah meluluskan cadangan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penilai Kriteria bagi membincangkan dan mencadangkan kriteria yang wajar dipenuhi bagi seorang Pegawai Penyelidik untuk memenuhi kriteria kenaikan pangkat.

3.0 PELAKSANAAN PEKELILING

- 3.1 Keahlian/ Keanggotaan Jawatan Kuasa Teknikal Penilai Kriteria Kenaikan Pangkat dan Lembaga Temu Bual adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- 3.2 Syarat-Syarat Asas Kenaikan Pangkat bagi Kriteria & Wajaran Penilaian dan pekeliiling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliiling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Bilangan 01 Tahun 2021.
- 3.3 Proses Kerja Kenaikan Secara Laluan Kerjaya adalah seperti di **LAMPIRAN B.**
- 3.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan (JPS) pada bilangan dan bertarikh seperti tersebut di atas juga bersetuju penempatan Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) hanya di Pusat Kecemerlangan/ *Centre of Excellence* (COE) sahaja.


4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliiling ini dikeluarkan pada 02 April 2024.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliiling ini berkuatkuasa 02 April 2024.

Saya yang menjalankan amanah



PROFESOR DR. NORAZAH ABD RAHMAN
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan Kepada
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Pengarah Pusat Kecemerlangan (COE)

Bil. Fail : 100-TNCPI (6/1)

1. Punca Kuasa

- 1.1 Majlis Sumber Manusia Bilangan Bil. 41 bertarikh 9 Disember 2019
- 1.2 Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 57 bertarikh 28 Mei 2021
- 1.3 Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Bil. 01 Tahun 2021

2. Penubuhan Jawatankuasa

Tarikh Penubuhan : 01 Julai 2021
 Tempoh Lantikan : Sepanjang memegang jawatan

3. Keanggotaan Panel Temubual Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q)

Perkara	Panel Temubual Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q)
Keanggotaan	Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Pengerusi Ganti*/ Ahli : Pendaftar atau wakil yang dilantik sebagai ahli sahaja Ahli : Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Penilai Kriteria Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) Bendahari atau wakil yang dilantik Ketua Pustakawan atau wakil yang dilantik Setiausaha : Ketua Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Pejabat Pendaftar atau Ketua Unit Kenaikan Pangkat Pentadbiran Sekretariat : Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Pejabat Pendaftar Ahli Turut Hadir : Ketua Skim Pegawai Penyelidik (Q) atau wakil yang dilantik
Lantikan	i. Pengerusi: Naib Canselor ii. Pengerusi Ganti: Pengerusi iii. Ahli/ Ahli Turut Hadir: Pengerusi iv. Setiausaha: Pengerusi
Tempoh Lantikan	Berdasarkan tempoh pelantikan ex-officio

Perkara	Panel Temubual Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q)
Fungsi	<ul style="list-style-type: none"> i. Menemu duga calon kenaikan pangkat Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) yang telah disokong oleh Jawatankuasa Teknikal Penilai Kriteria Kenaikan Pangkat; dan ii. Membuat perakuan/syor terhadap calon yang sesuai dan layak kepada <i>Nomination & Remuneration Committee</i> (NRC) untuk kelulusan urusan kenaikan pangkat.

*Nota: Dalam ketiadaan Pengerusi, Pengerusi Ganti boleh dilantik oleh Pengerusi untuk mempengerusikan Lembaga Temuduga.

4. Keanggotaan Panel Jawatankuasa Teknikal Penilai Kriteria Kenaikan Pangkat

Perkara	Panel Jawatankuasa Teknikal Penilai Kriteria Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q)
Keanggotaan	Pengerusi : Profesor yang dilantik Ahli : Dua (2) Profesor yang dilantik Setiausaha : Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) atau wakil pentadbiran yang dilantik Sekretariat : Bahagian Pentadbiran, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Ahli Turut Hadir : Ketua Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) atau wakil
Lantikan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengerusi: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) ii. Ahli/ Ahli Turut Hadir: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) iii. Setiausaha: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Tempoh Lantikan	Berdasarkan tempoh pelantikan ex-officio
Fungsi	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyemak dokumen <i>Template</i> Kriteria Kecemerlangan Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) yang telah dihantar oleh pegawai yang memohon kenaikan pangkat; dan ii. Membuat perakuan/syor terhadap calon yang sesuai dan layak kepada Panel Temubual Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) untuk proses temubual bagi tujuan kenaikan pangkat.

5. Kekerapan Mesyuarat

Tertakluk kepada permohonan yang diterima pihak sekretariat di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Bahagian Kemajuan Kerjaya, JPSPM, Pejabat Pendaftar.

6. Korum

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 daripada ahli mesyuarat termasuk Pengerusi/ Pengerusi Ganti.

LAMPIRAN B

**PROSES KERJA URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA LALUAN KERJAYA
BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIK (Q)**

BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN	TEMPOH (HARI)
1.	Semak senarai Pegawai Penyelidik Gred Q44/48/52/54 berdasarkan dan mengikut tempoh perkhidmatan yang melayakkan.	Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK)	14
2.	Keluar pemakluman kepada pegawai yang layak untuk permohonan dan mengisi borang yang disediakan.	Pegawai Eksekutif BKK	14
3.	Calon kemuka borang urusan kenaikan pangkat yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan dan serah dokumen berkaitan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) P&I untuk semakan.	Ketua Pentadbiran Pejabat TNC P&I	20
4.	Urusan semakan tarikh mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kriteria Pegawai Penyelidik.	Ketua Pentadbiran Pejabat TNC P&I	14
5.	Laksana mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kriteria Pegawai Penyelidik bermesyuarat dan berkeputusan.	Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kriteria Pegawai Penyelidik	1
6.	Keluar keputusan Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kriteria Pegawai Penyelidik dihantar kepada BKK untuk sesi temubual.	Ketua Pentadbiran Pejabat TNC P&I	7
7.	Urusan semakan tarikh temubual.	Penolong Pendaftar Kanan/ Pegawai Eksekutif/ Kerani BKK	14
8.	Laksana sesi temubual.	Panel Temubual	1
9.	Sedia kertas kerja <i>Nomination & Nomination & Remuneration Committee (NRC)</i> .	Penolong Pendaftar Kanan BKK	7
10.	Laksana mesyuarat <i>Nomination & Remuneration Committee (NRC)</i> dan Perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).	Ahli NRC/ LPU	14
11.	Sedia surat keputusan.	Pegawai Eksekutif/ Kerani BKK	7
12.	BKK kemaskini maklumat dalam sistem STARS.	Kerani BKK	7
			120